



DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR

DALAM WILAYAH PERSEKUTUAN, MALAYSIA

WRIT SAMAN NO.: WA-22NCC-70-02/2025

ANTARA

**TEO YUN HOCK
(NO. K/P: 760531-01-6805)**

...PLAINTIF

DAN

- 1. AUTOHOME MOTOR SDN. BHD.
(NO. SYARIKAT: 201801047018 [1309050-K])**
- 2. GO AUTO SALES SDN. BHD.
(NO. SYARIKAT: 201001041065 [924990-H])**
- 3. SHEIKH MOHAMAD AZLI BIN SHEIKH
MOHAMAD NASIMUDDIN KAMAL
(NO. K/P: 841123-14-5987)**
- 4. SHEIKH MOHAMAD AZRUL BIN
SHEIKH MOHAMAD NASIMUDDIN KAMAL
(NO. K/P: 881011-14-5129)**
- 5. AHMAD AZAM BIN SULAIMAN
(NO. K/P: 660504-08-5807)**
- 6. GO AUTO SERVICES SDN BHD
(NO. SYARIKAT: 200901020284 [863381-M])**
- 7. GOAUTO GROUP SDN BHD
(NO. SYARIKAT: 202101024407 [1424707-P])**
- 8. INTRO SYNERGY SDN BHD
(NO. SYARIKAT: 202301002869 [1496788-K])**
- 9. NEXV MANUFACTURING SDN. BHD.
(NO. SYARIKAT: 202301028042 [1521965-U])**



10. **SPE FOUNDATION**
(NO. SYARIKAT: 202201031815 [1477512-X]))
11. **ASPIRE ARENA SDN. BHD.**
(NO. SYARIKAT: 201501041884 [1167205-V])
12. **SMS AUTO WORLD SDN. BHD.**
(NO. SYARIKAT: 201001009362 [893992-V])
13. **PHOENIX PINNACLE SDN. BHD.**
(NO. SYARIKAT: 201601006614 [1177541-V])
14. **FAROK BIN MAASOM**
(NO. K/P: 701220-71-5393)
15. **DATO' SHEIKH MOHAMAD SHALAHUDDIN AYUBI KAMAL
AZAD BIN SHEIKH MOHAMAD AMIN**
(NO. K/P: 570130-05-5099)
16. **WAN AHMAD BIN WAN OMAR**
(NO. K/P: 680630-11-5091)
17. **GO AUTOMOBILE MANUFACTURING SDN. BHD.**
(NO. SYARIKAT: 201301005035 [1034878-V])
18. **JOY DESIGN STUDIO SDN. BHD.**
(NO. SYARIKAT: 201401003242 [1079316-K])
19. **W & R RESOURCES SDN. BHD.**
(NO. SYARIKAT: 200501016554 [693597-D])

...DEFENDAN-DEFENDAN

PERNYATAAN TUNTUTAN TERPINDA

PIHAK-PIHAK

1. Plaintiff merupakan pengarah dan pemegang saham Defendan Pertama yang berdaftar di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).



S/N UUgQ/FpEOE26YsHFxcnWA

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

2. Sebelum 20.08.2021, jumlah modal berbayar Defendan Pertama adalah 2,000,000 dan pegangan saham Defendan Pertama pada masa yang relevan adalah seperti berikut: -

Nama pemegang saham	Peratusan Saham	Saham
Teo Yun Hock (Plaintif)	75%	1,500,000
Lai Li Fa	25%	500,000

3. Sebelum 20.08.2021, Plaintiff adalah pemilik benefisial bagi 25% saham yang dimiliki oleh Lai Li Fa dalam Defendan Pertama menurut Perjanjian Jual Beli Saham bertarikh 16.08.2020.
4. Defendan Pertama adalah sebuah syarikat sendirian berhad yang mempunyai alamat di No. 35-3, Jalan Metro Perdana Barat 1, Taman Usahawan Kepong Utara, 52100 Kuala Lumpur Wilayah Persekutuan dan menjalankan perniagaan jualan dan perkhidmatan servis kenderaan bermotor.
5. Defendan Ke-2 adalah sebuah syarikat sendirian berhad yang mempunyai alamat perniagaan di No. 4, Jalan Pengarah U1/29, HICOM Glenmarie Industry park, 40000 Shah Alam, Selangor. Defendan Ke-2 adalah dalam perniagaan jualan dan perkhidmatan servis kenderaan bermotor.
6. Defendan Ke-3 adalah seorang individu yang cukup umur dan beralamat di No. 40, Jalan 6/105, Taman Midah, Cheras 56000 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan.



Defendan Ke-3 adalah seorang pengarah dan/atau pemegang saham Defendan-Defendan yang dibutirkan seperti berikut :-

Syarikat	Pengarah	Jumlah Saham	Pegangan saham dalam peratusan
Defendan Ke-2 (Go Auto Sales Sdn Bhd)	Ya	13,493,390	Lebih daripada 98% saham
Defendan Ke-6 (Go Auto Services Sdn Bhd)	Ya	200,000	20%
Defendan Ke-7 (Goauto Group Sdn Bhd)	Tidak, dilantik pada 16.07.2021 dan telah meletak jawatan pada 25.03.2024.	250,000	25%
Defendan Ke-8 (Intro Synergy Sdn Bhd)	Ya.	700,000 saham dimiliki melalui Defendan Ke-7	70% dimiliki melalui Defendan Ke-7



Defendan Ke-9 (Nexv Manufacturing Sdn Bhd)	Tidak.	49 saham dimiliki melalui Defendan Ke- 7	0.001959922% dimiliki melalui Defendan Ke-7
Defendan Ke-10 (SPE Foundation)	Ya.	N/A	N/A
Defendan Ke-11 (Aspire Arena Sdn Bhd)	Ya.	71,000	71%
Defendan Ke-12 (SMS Auto World Sdn Bhd)	Ya.	244,999	24.50%
Defendan Ke-13 (Phoenix Pinnacle Sdn Bhd)	Ya	127,501	51%
Defendan Ke-17 (Go Automobile Manufacturing Sdn Bhd)	Tidak	N/A	N/A (Secara tidak langsung melalui syarikat Defendan Ke-19)
Defendan Ke-19 (W & R	Tidak	260,000	19%



S/N UUgQ/FpEOE26YsHFxcnWA

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

Resources Sdn Bhd)			
-----------------------	--	--	--

7. Defendan Ke-4 adalah seorang individu yang beralamat di No. 53, Jalan Suadamai 10/1B, Bandar Tun Hussein Onn, 43200 Cheras, Selangor, Malaysia. Defendan Ke-4 adalah pemegang saham tunggal dan pengarah Defendan Pertama dan Ke-18.

8. Defendan Ke-5 adalah seorang individu yang beralamat di No. 19, Jalan Platinum 7/56A, Seksyen 7, 40000 Shah Alam, Selangor. Defendan Ke-5 adalah pemegang saham syarikat Defendan Ke-19 yang memegang 130,000 saham, iaitu 11% daripada syarikat Defendan Ke-19. Defendan Ke-5 adalah seorang pengarah Defendan Ke-2 pada setiap masa yang relevan.

Defendan Ke-5 juga adalah seorang pengarah syarikat Defendan Ke-7 sejak 16.07.2021 hingga 25.03.2024.

9. Defendan Ke-6 adalah sebuah syarikat sendirian berhad yang mempunyai alamat perniagaan di No. 4, Jalan Pengarah U1/29, HICOM Glenmarie Industry Park, 40000 Shah Alam, Selangor. Defendan Ke-6 memiliki 244,995 saham syarikat Defendan Ke-2, iaitu sekitar 1,78% saham.

10. Defendan Ke-7 adalah sebuah syarikat sendirian berhad yang mempunyai alamat perniagaan di No. 4, Jalan Pengarah U1/29, HICOM Glenmarie Industry Park, 40000 Shah Alam, Selangor.



11. Defendan Ke-8 adalah sebuah syarikat sendirian berhad yang mempunyai alamat perniagaan di No. 4, Jalan Pengarah U1/29, HICOM Glenmarie Industry Park, 40000 Shah Alam, Selangor.
12. Defendan Ke-9 adalah sebuah syarikat sendirian berhad yang beralamat di Third Floor, No. 77, 79 & 81, Jalan SS21/60, Damansara Utama, 47400 Petaling Jaya, Selangor. Sesalinan Carian SSM
13. Defendan Ke-10 adalah sebuah syarikat awam berhad dengan Jaminan yang beralamat di Unit 19-02, Level 19, Binjai 8 Suite, No. 2, Lorong Binjai, 50450 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan KL.
14. Defendan Ke-11 adalah sebuah syarikat sendirian berhad yang beralamat di No. 4, Jalan Pengarah U1/29, HICOM Glenmarie Industry Park, 40000 Shah Alam, Selangor.
15. Defendan Ke-12 adalah sebuah syarikat sendirian berhad yang beralamat di 75-1A, Jalan Melati Utama 4, Taman Melati Utama, 53100 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan KL.
16. Defendan Ke-13 adalah sebuah syarikat sendirian berhad yang beralamat di No. 4, Jalan Pengarah U1/29, HICOM Glenmarie Industry Park, 40000 Shah Alam, Selangor.



17. Defendan Ke-14 adalah seorang individu yang beralamat di No. 2, Jalan Ruat, 06900 Yan, Kedah Darul Aman. ~~Saya menyatakan bahawa~~ Defendan Ke-14 adalah seorang pengarah terdahulu Defendan Ke-7 yang telah meletak jawatan 25.03.2024 dan kini adalah seorang pengarah Defendan Ke-6, Ke-8, Ke-17 dan Ke-19. Defendan Ke-14 juga adalah seorang pemegang saham Defendan Ke-6, Ke-7 dan Ke-19, memegang 80,000 saham yang terdiri daripada 8% daripada saham modal syarikat Defendan Ke-6, 250,000 saham yang terdiri daripada 25% daripada saham modal syarikat Defendan Ke-7 dan 455,000 saham terdiri daripada 34% daripada saham modal syarikat Defendan Ke-19.
18. Defendan Ke-15 adalah seorang individu yang beralamat di Lot 746, Kampung Bukit Raya, Batu 9 $\frac{3}{4}$, Jalan Hulu Langat, 43200 Cheras, Sleangor. Defendan Ke-15 adalah seorang pengarah dan pemegang saham Defendan Ke-12. Defendan Ke-15 juga adalah pemegang majoriti Defendan Ke-6, memegang 510,000 saham yang terdiri daripada 51% daripada saham modal syarikat Defendan Ke-6.
19. Defendan Ke-16 adalah seorang individu yang beralamat di No. 28, Persiaran BLM 4A, Bandar Laguna Merbok, 08000 Sungai Petani, Kedah Darul Aman. Defendan Ke-16 adalah seorang pengarah syarikat Defendan Ke-2 dari 12.12.2010 hingga 15.10.2020 dan juga seorang pemegang saham Defendan Ke-7, memegang 250,000 saham yang terdiri daripada 25% daripada saham modal syarikat Defendan Ke-7. Defendan Ke-16 adalah seorang pengarah syarikat Defendan Ke-17. Defendan Ke-16 adalah seorang pengarah dan pemegang saham syarikat



Defendan Ke-19 yang memegang 485,000 saham yang terdiri daripada 36% saham modal syarikat Defendan Ke-19.

20. Defendan Ke-17 adalah sebuah syarikat sendirian berhad yang beralamat di No. 5-4-2, Jalan 2/50, Diamond Square, Off Jalan Gombak, 53000 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan KL.
21. Defendan Ke-18 adalah sebuah syarikat sendirian berhad yang mempunyai alamat berdaftar di No. 5-4-2, Jalan 2/50, Diamond Square, Off Jalan Gombak, 53000 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan KL.
22. Defendan Ke-19 adalah sebuah syarikat sendirian berhad yang mempunyai alamat berdaftar di No. 20-2, Jalan 65C, Off Jalan Pahang Barat, Pekeliling Business Centre, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

LATAR BELAKANG

23. Defendan Pertama telah ditubuhkan pada 28.12.2018. Plaintiff adalah seorang pengarah dan pemegang saham majoriti Defendan Pertama yang berdaftar di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sejak penubuhannya hingga 20.08.2021 .
24. Defendan Pertama pada setiap masa yang relevan adalah sebuah pusat bengkel jualan dan perkhidmatan servis dan adalah pengedar kereta yang diberi kuasa bagi kenderaan bermotor berjenama Proton.



25. Oleh kerana Defendan Pertama adalah pengedar kereta 3S yang diberi kuasa bagi kenderaan bermotor berjenama Proton, Defendan Pertama boleh dapatkan sokongan langsung, alat gantian automobil dan stok kenderaan secara terus daripada Proton Holdings Berhad (623177-A) dengan syaratnya bahawa Defendan Pertama mesti mematuhi garis panduan yang berkaitan dengan ketat dan mesti mendapatkan kelulusan yang relevan daripada Proton Holdings Berhad (623177-A) bagi hal berkenaan dengan tadbir urus (*corporate governance*) syarikat Defendan Pertama.
26. Pada atau sekitar Ogos 2020, Defendan Ke-3 telah menghubungi ~~saya~~ Plaintif dan mewakili syarikat Defendan Ke-2 menyatakan minat mereka untuk membeli Defendan Pertama, syarikat ~~saya~~ Plaintif.
27. Pada masa yang relevan tersebut, Plaintif memiliki 100% saham modal berbayar syarikat Defendan Pertama dan satu rakan kongsi perniagaan Plaintif bernama Lai Li Fa memegang 25% saham tersebut atas amanah untuk Plaintif.
28. Menurut Perjanjian Jual Beli Saham bertarikh 04.02.2021 ("**Perjanjian Jual Beli Saham tersebut**"), Plaintif dan Lai Li Fa telah bersetuju untuk menjual dan Defendan Ke-2 telah bersetuju untuk membeli perniagaan Defendan Pertama bersama-sama dengan semua sahamnya, iaitu 100% saham yang dimiliki oleh Plaintif dalam syarikat Defendan Pertama untuk jumlah balasan pembelian sebanyak RM6,480,000.00.



29. Sebelum Perjanjian Jual Beli Saham tersebut dilaksanakan, Defendan Ke-2 telah membuat pembayaran deposit sebanyak RM648,000.00 sebagai sebahagian daripada jumlah balasan keseluruhan.
30. Pada 20.08.2021, Plaintiff dan Lai Li Fa telah menandatangani pemindahan kesemua saham syarikat Defendan Pertama kepada Defendan Ke-2. Pada hari yang sama, Plaintiff dan Lai Li Fa juga telah meletakkan jawatan sebagai pengarah Defendan Pertama dan kemudiannya, Defendant Ke-3 telah dilantik sebagai pengarah syarikat Defendan Pertama.
31. Menurut Klaus 3.2 Perjanjian Jual Beli Saham tersebut, Defendan Ke-2 diwajibkan untuk membayar baki harga pembelian sebanyak RM5,832,000.00 semasa penyelesaian Perjanjian Jual Beli Saham tersebut pada atau sebelum 31.01.2021. Memandangkan saham syarikat Defendan Pertama telah dipindahkan sepenuhnya daripada Plaintiff dan Lai Li Fa kepada Defendan Ke-2, baki harga pembelian sebanyak RM5,832,000.00 adalah matang untuk pembayaran kepada Plaintiff. Klaus 3.2 Perjanjian Jual Beli Saham tersebut adalah seperti berikut:



- 3.2. The Purchaser shall hereby pay a sum amounting to Ringgit Malaysia Five Million Eight Hundred Thirty-Two Thousand (RM5,832,000-00) Only (upon deduction of the sum of monies stipulated in clause 3.1 abovementioned) being the balance Purchase Price amounting to ninety percent (90%) from the total Purchase Price (hereinafter defined as the "Balance Purchase Price") to the Vendors in accordance with the following payment milestones –

Milestone	% of Sale Shares	Number of Shares	Amount (RM)	Payment Method
Upon signing	n/a	n/a	n/a	n/a
Upon the Completion or on or before 31 January 2021	100%	2,000,000	Ringgit Malaysia Five Million Eight Hundred Thirty-Two Thousand (RM5,832,000-00) Only	Direct to the Vendors

32. Walau bagaimanapun, pada 23.08.2021, pada suatu mesyuarat antara Plaintiff dan Defendan Ke-3 ("**Mesyuarat Pelanjutan tersebut**"), ~~saya~~ Plaintif dimaklumkan bahawa Defendan Ke-2 tidak dapat mematuhi dan memenuhi terma-terma pembayaran menurut Klausu 3.2 Perjanjian Jual Beli Saham tersebut kerana kekangan kewangan (*'financial constraints'*) Defendan Ke-2 yang disebabkan oleh wabak pada masa itu. Pada Mesyuarat Pelanjutan tersebut, Defendan Ke-3 telah minta untuk rundingan semula terma-terma pembayaran di bawah Perjanjian Jual Beli Saham tersebut semasa Defendan Ke-2 dan/atau Ke-3 akan mendapatkan pinjaman dan/atau bantuan kewangan bagi tujuan penyelesaian baki harga pembelian.
33. Dengan niat baik dan sebagai tanda niat murni, pada Mesyuarat Pelanjutan tersebut, Plaintiff telah bersetuju untuk menandatangani suatu perjanjian tambahan atas Perjanjian Jual Beli Saham tersebut ("**Perjanjian Tambahan tersebut**") memberi kebenaran kepada Defendan Ke-2 untuk menggunakan syarikat



Defendan Pertama untuk mendapatkan pinjaman dan/atau bantuan kewangan bagi tujuan penyelesaian baki harga pembelian.

34. Selanjutnya, Plaintiff telah memberikan lebih banyak masa kepada Defendan Ke-2 untuk menjelaskan baki harga pembelian kepada Plaintiff. Sebagai sebahagian daripada terma-terma yang dipersetujui, Defendan Ke-3 juga telah bersetuju untuk melaksanakan suatu jaminan peribadi untuk baki harga pembelian. Pada hari yang sama dengan Mesyuarat Pelanjutan tersebut, Plaintiff telah mengesahkan terma-terma yang telah dirunding semula yang dibincangkan dalam Mesyuarat Pelanjutan tersebut melalui WhatsApp mesej kepada Defendan Ke-3, yang mana Defendan Ke-3 telah memberikan pengesahannya.

35. Perjanjian Tambahan tersebut telah ditandatangani oleh Defendan Ke-2, Lai Li Fa dan Plaintiff pada 10.09.2021. Menurut Klausu 2.4 Perjanjian Tambahan tersebut, Defendan Ke-2 hendaklah membuat pembayaran baki harga pembelian dalam tempoh 3 bulan dari 31.08.2021 tanpa sebarang faedah dikenakan terhadapnya, iaitu sebelum atau pada 30.11.2021. Klausu 2.4 Perjanjian Tambahan tersebut adalah seperti berikut:-

2.4. It is hereby mutually agreed between the Parties that the Balance Purchase Price shall be made payable by the Purchaser to the Vendors, free of interest, within three (3) months from 31 August 2021 (hereinafter referred to as the "Payment Term").

36. Menurut Mesyuarat Pelanjutan tersebut, Defendan Ke-3 juga telah menandatangani suatu Surat Ikatan Jaminan (*Deed of Guarantee*) bertarikh 21.09.2021 ("**Surat Ikatan Jaminan tersebut**") dengan Plaintiff dan Lai Li Fa supaya Defendan Ke-3 boleh bertindak sebagai penjamin kepada baki harga pembelian yang terhutang oleh Defendan Ke-2 kepada Plaintiff dan Lai Li Fa.



37. Walau bagaimanapun, Klausula-Klausula 2.4, 2.5 dan 2.6 Perjanjian Tambahan tersebut juga memperuntukkan bahawa Defendan Ke-2 perlu membayar sejumlah wang sebanyak 50% daripada baki harga pembelian dalam tempoh 60 hari dari tarikh Perjanjian Tambahan tersebut ditandatangani, iaitu untuk membayar sebelum 09.11.2021 dan untuk membayar baki 50% sebelum 30.11.2021 dan/atau 30.12.2021. Klausula-Klausula 2.5 dan 2.6 Perjanjian Tambahan tersebut adalah seperti berikut:-

- 2.5. Notwithstanding the Payment Term, in the event where the Purchaser is unable to remit the Balance Purchase Price to the Vendors within the Payment Term, the Parties hereby mutually agree to extend the Payment Term for a further additional period of one (1) month (hereinafter referred to as the "Extended Payment Term"), however such payment towards the Balance Purchase Price shall then be subjected to an interest amounting to five per centum (5%) per annum from the total Balance Purchase Price thereof, calculated on a daily rest commencing from the expiry of the Payment Term up until the payment of the Balance Purchase Price by the Purchaser or upon the expiry of the Extended Payment Term, whichever is earlier.
- 2.6. For the purpose of the payment of the Balance Purchase Price by the Purchaser to the Vendors, the Purchaser shall remit to the Vendors the Balance Purchase Price based on the Payment Term and/or the Extended Payment Term (if applicable) and shall be further based on the following terms –
 - (i) That the Purchaser shall remit a sum of monies amounting to fifty per centum (50%) from the total Balance Purchase Price within sixty (60) days from the Effective Date and
 - (ii) That the Purchaser shall remit the balance of fifty per centum (50%) from the total Balance Purchase Price within the Payment Term and/or Extended Payment Term, whichever is applicable.

38. Atas permintaan Defendan Ke-3, Plaintiff juga telah menolong syarikat Defendan Ke-2 dalam mempercepatkan dan memperoleh pelepasan pembayaran sebanyak RM4,384,452.36 dan RM622,433.16 yang terhutang oleh Kementerian Pertahanan kepada syarikat Defendan Ke-2 melalui perhubungan Plaintiff. Ini telah



disahkan oleh Defendan Ke-3 sendiri melalui WhatsApp mesej bertarikh 24.10.2022.

39. Walaupun Plaintiff telah menunjukkan niat baik (*good faith*) dan tanda niat murni(*goodwill*), Defendan Ke-2 hanya membuat pembayaran sebanyak RM2,300,000.00 yang dibuat melalui pelbagai pembayaran sporadik pada 22.12.2021, 16.02.2022 dan 28.03.2022 (“**Pembayaran Sporadik tersebut**”). Sehingga kini, masih terdapatnya baki tertunggak sebanyak ~~RM1,103,359.94~~ RM 3,532,000.00.

40. Walaupun banyak peringatan telah diberi, Defendan Ke-2 telah gagal, enggan dan/atau cuai untuk membuat pembayaran baki harga pembelian sebanyak ~~RM1,103,359.94~~ RM 3,532,000.00 dalam pelanggaran terhadap Perjanjian Jual Beli Saham.

40.1. Sebagai pelanggaran selanjutnya terhadap Klausula-Klausula 2.4, 2.5 dan 2.6 dalam Perjanjian Tambahan tersebut, Defendan Ke-2 telah gagal untuk membayar sejumlah wang yang berjumlah 50% daripada baki harga belian dalam tempoh 60 hari dari tarikh menandatangani Perjanjian Tambahan tersebut, iaitu untuk membuat pembayaran selewat-lewatnya pada 09.11.2021, dan untuk membayar baki 50% selebihnya pada atau sebelum 30.11.2021 dan/atau 30.12.2021.

41. Plaintiff dan Lai Li Fa telah memulakan suatu Petisyen Penggulangan dengan nombor kes WA-28NCC-371-04/2023 pada 26.04.2023 untuk menuntut



pembayaran baki harga pembelian. Walau bagaimanapun, petisyen tersebut telah dibatalkan dengan kebebasan untuk difailkan semula oleh Mahkamah Tinggi pada 01.04.2024.

42. Selepas siasatan dan pendedahan selanjutnya, Plaintiff menyedari bahawa bukan sahaja terdapatnya perlanggaran Perjanjian Jual Beli Saham tersebut dan Perjanjian Tambahan tersebut oleh Defendan Ke-2. Defendan-Defendan telah juga melakukan frod sebenar dan/atau ekuiti (*'actual and/or equitable fraud'*) dan/atau pernyataan palsu secara penipuan (*'fraudulent misrepresentation'*) terhadap Plaintiff. Butiran frod sebenar dan/atau ekuiti (*'actual and/or equitable fraud'*) dan/atau pernyataan palsu secara penipuan (*'fraudulent misrepresentation'*) adalah seperti yang berikut: -

**Butiran frod sebenar dan/atau ekuiti (*'actual and/or equitable fraud'*)
dan/atau pernyataan palsu secara penipuan (*'fraudulent
misrepresentation'*)**

- 42.1. Defendan Ke-2 dan/atau Ke-3 telah secara frod, sengaja, tidak jujur dan berniat jahat mencuri syarikat Plaintiff, iaitu Defendan Pertama, daripada Plaintiff dan secara salah mengalih saham Plaintiff daripadanya.
- 42.2. Pada 10.07.2023, Defendan Ke-2 dan/atau Ke-3 telah secara salah dan memecahkan amanah dan keyakinan (*breach of trust and confidence*), memindahkan kesemua saham Defendan Pertama



kepada Defendan Ke-4, suatu pihak yang bukannya parti dalam Perjanjian Jual Beli Saham tersebut, bertujuan bukan sahaja untuk menipu Plaintiff daripada pemilikan Defendan Pertama Plaintiff, tetapi juga untuk mengelakkan liabiliti dengan sengaja dan berniat jahat meletakkan aset serta saham Defendan Pertama di luar jangkauan undang-undang.

- 42.3. Plaintiff juga mendapati bahawa Defendan Ke-2 telah gagal untuk memfailkan sebarang penyata kewangan beraudit dengan SSM sejak tahun 2019.
- 42.4. Defendan Ke-3 juga dengan sengaja menggunakan pelbagai syarikat di bawah kawalannya sebagai alat penipuannya (*vehicles of fraud*) untuk menyembunyikan dan/atau mengelakkan (*conceal and/or evade*) liabiliti.
- 42.5. Alamat berdaftar dan alamat perniagaan Defendan Ke-2 adalah sama dengan Defendan Ke-6, Ke-7 dan Ke-8.
- 42.6. Alamat perniagaan Defendan Ke-2 adalah sama dengan Defendan Ke-11 dan Ke-13, tetapi Defendan Ke-11 dan Ke-13 mempunyai alamat berdaftar yang berbeza.



- 42.7. Defendan Ke-3 pada setiap masa yang relevan telah menggunakan Defendan Ke-6, Ke-7, Ke-8, Ke-11 dan Ke-13 untuk menjalankan perniagaan yang sama atau serupa di premis yang sama.
- 42.8. Bertujuan untuk mengelak dan/atau menyembunyikan liabiliti kepada Plaintiff, Defendan Ke-3 telah merancang (*orchestrated*) pelbagai langkah taktikal yang tidak sah dan menyalahi undang-undang untuk mengalihkan operasi perniagaan syarikat Defendan Ke-2 kepada pelbagai syarikat lain yang dikawal secara langsung atau tidak langsung olehnya. Ini dilakukan bertujuan untuk penipuan, dan secara tidak sah, licik dan/atau berniat jahat, untuk memindahkan, memperuntuk(*appropriate*) dan/atau mengalih wang dan aset yang diperoleh daripada pendapatan dan perniagaan Defendan Ke-2 kepada ejen, wakil, pekerja dan/atau proxi Defendan Ke-3, termasuk tetapi tidak terhad kepada Defendan Ke-4, Ke-5, Ke-14, Ke-15, dan/atau Ke-16, serta entiti-entiti lain di bawah kawalan langsung atau tidak langsung Defendan Ke-3, termasuk tetapi tidak terhad kepada Defendan Ke-6, Ke-7, Ke-8, Ke-9, Ke-10, Ke-11, Ke-12, Ke-13, Ke-17, Ke-18 dan/atau Ke-19.
- 42.9. Untuk memujuk dan/atau menipu Plaintiff supaya tidak menguatkuasakan Perjanjian Jualan Saham bertarikh 04.02.2021 dan memberikan lebih masa kepada Defendan Ke-2 untuk membuat pembayaran baki harga pembelian kepadanya, Defendan Ke-3 dan Ke-5 dalam kapasiti peribadi mereka dan/atau bagi pihak Defendan



Ke-2 telah membuat pelbagai pernyataan atau representasi palsu kepada Plaintiff semasa Mesyuarat Pelanjutan tersebut dan sepanjang tempoh sebelum menandatangani Perjanjian Tambahan tersebut dan Surat Ikatan Jaminan tersebut bertarikh 21.09.2021 (**“Tempoh Pelanjutan Perjanjian”**) bahawa Defendan Ke-2 akan membuat pembayaran baki harga pembelian mengikut terma Perjanjian Tambahan tersebut dan bahawa Defendan Ke-3 secara peribadi akan menjamin pembayaran tersebut melalui Surat Ikatan Jaminan tersebut. (**“Representasi Palsu Sebelum Pelanjutan”**)

42.10. Namun, Defendan Ke-2, Ke-5 dan/atau Ke-3 telah membuat Representasi Palsu Sebelum Pelanjutan kepada Plaintiff untuk: -

- (i) Mengelirukan, menipu dan/atau memperdayakan Plaintiff supaya mempercayai bahawa Defendan Ke-2 dan/atau Ke-3 akan membayar dan menyelesaikan tanggungjawab undang-undang mereka kepada Plaintiff dalam masa terdekat;
- (ii) Mengelirukan, menipu dan/atau memperdayakan Plaintiff supaya mempercayai bahawa Defendan Ke-2 mempunyai kemampuan kewangan dan/atau kapasiti untuk membayar dan menyelesaikan tanggungjawab undang-undang mereka kepada Plaintiff;



(iii) Mengelirukan, menipu dan/atau memperdayakan Plaintiff supaya memberikan masa kepada Defendan Ke-2 dan/atau Ke-3 untuk berbuat demikian;

(iv) Salah menggunakan dan/atau mengalihkan wang yang diperoleh oleh Defendan Ke-2 dan/atau Ke-3 yang sepatutnya digunakan untuk memenuhi tanggungjawab undang-undang mereka kepada Plaintiff, dan

42.11. Oleh itu, atas sebab-sebab di atas, Defendan Ke-2, ke-5 dan/atau Ke-3 telah membuat Representasi Palsu Sebelum Pelanjutan dengan pengetahuan bahawa ia adalah palsu atau tanpa mempercayainya sebagai benar dan dengan niat untuk mengeliru, menipu, dan/atau memperdaya Plaintiff.

42.12. Bergantung kepada Representasi Palsu Sebelum Pelanjutan dibuat oleh Defendan Ke-2, Ke-5 dan/atau Ke-3, yang telah memudaratkan Plaintiff, Plaintiff telah bersetuju untuk melanjutkan tempoh pembayaran baki harga pembelian dan menandatangani Perjanjian Tambahan tersebut dengan Defendan Ke-2 serta Surat Ikatan Jaminan tersebut dengan Defendan Ke-3.



- 42.13. Sementara itu, Bayaran Sporadik tersebut yang dibuat oleh Defendan Ke-2 hanyalah merupakan tipu helah Defendan Ke-2, Ke-3, Ke-4 dan/atau Ke-5 untuk melakukan skim penipuannya.
- 42.14. Pada setiap masa yang relevan, Defendan Ke-6, Ke-7, Ke-8, Ke-10, Ke-11, Ke-12, Ke-13, Ke-17, Ke-18 dan/atau Ke-19 adalah 'alter ego' Defendan Ke-3 dan merupakan alat penipuan Defendan Ke-3 untuk menyembunyikan dan/atau mengelakkan liabiliti. Hal ini demikian kerana Defendan Ke-3 memegang jawatannya sebagai pengarah dan/atau pemegang saham majoriti dalam syarikat Defendan Ke-6, Ke-7, Ke-8, Ke-10, Ke-11, dan/atau Ke-13 dan kawalan secara tidak langsung oleh Defendan Ke-3 menerusi agen, wakil dan/atau proxinya terhadap syarikat Defendan Ke-12, Ke-17, Ke-18 dan/atau Ke-19.
- 42.15. Plaintiff juga mendapati bahawa Defendan Ke-2, Ke-3 dan/atau Ke-4 telah berjaya dalam mendapatkan bantuan kewangan sebanyak RM4 juta daripada Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (No. Pendaftaran: 199101010745 [221057-V]) bawah Perjanjian Kemudahan Tawarruq (*Tawarruq Facility Agreement*) melalui gadaian yang dimasukkan pada 15.05.2024 dan kemudahan pembiayaan melalui gadaian terbuka daripada Public Bank Bhd melalui satu Sijil Pendaftaran Gadaian (*Certificate of Registration of Charge*) bertarikh 05.08.2022.



- 42.16. Kemudahan pembiayaan ini telah diperolehi dalam tempoh masa di mana Defendan Ke-2 seharusnya memaklumkan fakta ini kepada Plaintiff dan membayar jumlah wang tersebut sebagai baki harga pembelian.
- 42.17. Namun, Plaintiff tidak dimaklumkan oleh sesiapa pun mengenai kemudahan pembiayaan yang diperolehi oleh Defendan Ke-2, Ke-3 dan/atau Ke-4 melalui syarikat Defendan Pertama yang dinyatakan di atas.
- 42.18. Ini adalah walaupun dengan bantuan Plaintiff atas permintaan peribadi Defendan Ke-3 untuk membantu memperoleh pelepasan pembayaran berjumlah kira-kira RM4,384,452.36 dan RM622,433.16 yang terhutang daripada Kementerian Pertahanan kepada Defendan Ke-2.
- 42.19. Sementara Defendan Ke-2, Ke-3, Ke-4 dan/atau Ke-5 berjaya mendapatkan kemudahan pembiayaan yang dinyatakan di atas, mereka telah berkonspirasi atau berkomplot untuk menipu Plaintiff daripada saham syarikat Plaintiff dalam Defendan Pertama. Defendan Ke-2, Ke-3, Ke-4 dan/atau Ke-5 telah berkonspirasi atau berkomplot untuk, secara menyalahi undang-undang dan salah, menafikan hak Plaintiff terhadap jualan saham yang dimiliki oleh Plaintiff dalam Defendan Pertama.



42.20. Selepas tamatnya Tempoh Pelanjutan Perjanjian pada 21.09.2021, Defendan Ke-3 telah membuat pelbagai pernyataan dan representasi palsu yang memberi tanggapan kepada Plaintiff bahawa Defendan Ke-2 dan/atau Ke-3 akan membuat pembayaran penuh bagi baki harga pembelian secepat mungkin seperti berikut: (dirujuk secara kolektif sebagai “**Pernyataan-Pernyataan Palsu**”): (Dalam semua mesej WhatsApp berikut antara Plaintiff dan Defendan Ke-3, ‘JaMes’ merujuk kepada Plaintiff dan pihak penerima dalam mesej tersebut adalah Defendan Ke-3)

- (i) Defendan Ke-3 telah membuat representasi palsu , iaitu dia telah berjanji untuk membayar 50% baki harga pembelian pada 9.11.2021, yang disahkan melalui mesej WhatsApp Plaintiff bertarikh 3.11.2021 dan 9.11.2021 seperti berikut:

“[03/11/2021, 12:01:13] JaMes: Hi Dato, How are you? Just to remind you that the 1st payment due on next Tuesday. ;) thanks”

“[09/11/2021, 09:59:32] JaMes: Dato, good morning. As your promise to pay 50% balance of payment is due today.”

- (ii) Defendan Ke-3 telah membuat representasi palsu bahawa Defendan Ke-2 dan/atau Ke-3 akan dapat membuat pembayaran baki harga pembelian setelah Defendan Ke-2 dan/atau Ke-3 menerima hutang tertunggak mereka, iaitu



hutang kerajaan yang terhutang kepada mereka, melalui mesej WhatsApp Defendan Ke-3 bertarikh 22.11.2021 seperti berikut:

*"[22/11/2021, 16:28:22] JaMes: For your outstanding government debt payment. My experience to advise you-go auto to complain at Ketua Setiausaha Negara. Once complain submit, payment may receive in 24 hours.
[22/11/2021, 16:32:50] +60122380447: yes bos. thanks for your suggestion
[22/11/2021, 16:33:00] +60122380447: they are processing it"*

- (iii) Defendan Ketiga telah membuat representasi palsu bahawa Defendan Kedua dan/atau Ketiga sedang mencari wang untuk membuat pembayaran baki harga pembelian secepat mungkin melalui mesej WhatsApp Defendan Ketiga bertarikh 25.11.2021 seperti berikut:

*"[25/11/2021, 12:27:21] JaMes: Hallo Any update? Tomorrow Friday again. Be responsive. Tell me what is your plan? No payment at all or how?
[25/11/2021, 12:33:24] +60122380447: Helo boss. I'm finding money now to pay u.
[25/11/2021, 12:33:33] +60122380447: Surely some payment"*

- (iv) Defendan Ke-3 telah mengukuhkan (*reinforced*) representasi palsu bahawa Defendan Ke-2 dan/atau Ke-3 akan dapat membuat pembayaran baki harga pembelian setelah Defendan Ke-2 dan/atau Ke-3 menerima hutang



tertunggak mereka, iaitu hutang kerajaan yang terhutang kepada mereka, melalui mesej WhatsApp Defendan Ke-3 bertarikh 26.11.2021 seperti berikut:

“[26/11/2021, 11:04:34] JaMes: Hallo boss, any update for payment today?

[26/11/2021, 14:59:44] JaMes: Don't mind share me your mindef outstanding debt payment amount or contract . I will check out and come back to you soon.

[26/11/2021, 15:33:31] +60122380447: Mindef 5million outstanding under go auto sales”

- (v) Defendan Ke-3 telah membuat representasi palsu bahawa Defendan Ke-2 dan/atau Ke-3 sedang menunggu dana daripada pelabur dan akan membuat pembayaran baki harga pembelian selepas menerima pembayaran dana tersebut melalui mesej WhatsApp Defendan Ke-3 bertarikh 1.12.2021 seperti berikut:

“[29/11/2021, 17:19:12] JaMes: Meaning that mindef alredy paid go auti

[29/11/2021, 17:19:12] JaMes: Bcz ths appeal letter to waive the penalty from their pymen

[29/11/2021, 17:21:45] JaMes: How s our payment? How long you think want to drag us? Tomorrow see you at your office? What time?

[29/11/2021, 17:30:59] +60122380447: In a meeting now

[29/11/2021, 17:31:06] +60122380447: I willet u know later

[29/11/2021, 20:05:08] JaMes: Any outcome .?

[01/12/2021, 10:56:12] JaMes: Good morning. Payment ok?



[01/12/2021, 15:16:42] JaMes: Payment ready ?
[01/12/2021, 15:36:47] +60122380447: Good afternoon
[01/12/2021, 15:37:05] +60122380447: Give me until 6pm.
Waiting from investor when can transfer
[01/12/2021, 15:37:19] JaMes: 🙏
[01/12/2021, 19:19:00] JaMes: Boss,how?
[02/12/2021, 10:29:54] JaMes: Boss,tomorrow Friday again. How s the payment today?"

- (vi) Defendan Ke-3 telah mengukuhkan representasi palsu bahawa Defendan Ke-2 dan/atau Ke-3 sedang mencari wang untuk membuat pembayaran baki harga pembelian secepat mungkin melalui mesej WhatsApp Defendan Ke-3 bertarikh 2.12.2021 seperti berikut:-

"[02/12/2021, 10:29:54] JaMes: Boss,tomorrow Friday again. How s the payment today?
[02/12/2021, 12:01:41] JaMes: Boss,do you feel pressure daily and Why keep us delay and no confirmation date on payment again. You didn't feel what we feel after company and bank balance also transfer to you pass 3 month.
Why can't you borrow from your sibling and pay us some. How long still need to wait and drag?
[02/12/2021, 12:02:31] +60122380447: Of course boss I feel obligated to make the payment to u
[02/12/2021, 12:02:38] +60122380447: I'm trying my best to get the money
[02/12/2021, 12:03:20] +60122380447: I also don't want to drag too long
[02/12/2021, 12:07:23] JaMes: The problem is no payment at all from you after due date. And Keep drag until no date. Your



promise can be deliver after postpone and postpone. Pls think of your word. Everyone got their difficulty.

[02/12/2021, 12:08:55] JaMes: Be steady la boss. A head of organization. We all have limitation

[02/12/2021, 13:27:52] JaMes: Boss, actually do you plan and ready to pay us on time? You have to remember the 4 month ago the previous meeting with your lawyer and Suhaimi committed to us that grace period 2-3month maximum for you to withdraw your property loan and made payment to us. But ...

Now how..

[02/12/2021, 13:29:22] JaMes: Everyday I am pressure. Pls think the settlement

[02/12/2021, 13:30:17] +60122380447: Loan approval target mid this month. With my property as collateral

[02/12/2021, 13:30:49] +60122380447: But while waiting Loan to approve n disburse now I borrow from other people

[02/12/2021, 13:31:09] +60122380447: I understand ur commitment

[02/12/2021, 13:31:38] +60122380447: I will kejar the money to pay u at least half before mid this month

[02/12/2021, 13:31:46] JaMes: Ya, I need your immediate payment. people after me call me daily.

[02/12/2021, 13:32:38] JaMes: Boss, I cannot wait mid month. Pls pay some"

- (vii) Defendan Ke-3 telah mengukuhkan representasi palsu bahawa Defendan Ke-2 dan/atau Ke-3 sedang mencari wang untuk membuat pembayaran penuh baki harga pembelian secepat mungkin dengan membuat pembayaran sebahagian baki harga pembelian sebanyak kira-kira RM1 juta kepada Plaintiff. Pembayaran tersebut



sebenarnya adalah langkah taktikal oleh Defendan Ke-2 dan/atau Ke-3 untuk membeli masa, melalui Defendan-Defendan yang lain, merancang skim penipuan dan menipu Plaintiff serta untuk menyembunyikan dan/atau mengelak tanggungjawab undang-undang Defendan Ke-2 dan/atau Ke-3 yang sedia ada untuk membuat pembayaran penuh kepada Plaintiff. Representasi tersebut boleh dilihat melalui mesej WhatsApp Defendan Ke-3 yang relevan seperti berikut:-

“[21/02/2022, 11:56:43] JaMes: Good afternoon boss, any update for the balance of payment ? Thks

[17/03/2022, 11:02:23] JaMes: Good morning Dato,the payment 1m isn't ready ? Tqvm

[17/03/2022, 11:45:53] +60122380447: morning bos

[17/03/2022, 11:45:57] +60122380447: next week can collect from lawyer

[17/03/2022, 11:48:03] JaMes: <attached: 00000144-STICKER-2022-03-17-11-48-03.webp>

[28/03/2022, 08:09:38] JaMes: <attached: 00000145-STICKER-2022-03-28-08-09-38.webp>

[28/03/2022, 08:09:44] JaMes: Good morning boss,isn't possible can collect today? Thks.

[30/03/2022, 12:01:28] JaMes: Boss,Received the 1m payment. Can please update us estimate for balance of final payment. Thank you 🙏👍

[03/04/2022, 14:32:48] JaMes: <attached: 00000148-PHOTO-2022-04-03-14-32-48.jpg>



[21/04/2022, 09:46:32] JaMes: Good morning boss,any idea when to final settlement for the balance? I need the fund to start my oversea businesses soon. Kindly update me boss. Thks 🙏

[28/04/2022, 13:47:51] JaMes: Gd afternoon Dato, any update for the payment? My businesses start by mid of May,and really need your kindness to deliver the outstanding. I need the capital to run the business.

[28/04/2022, 14:11:30] +60122380447: afternoon bos. i will try to arrange payment in may bos. 🙏"

"[08/06/2022, 08:50:01] JaMes: Good morning Dato, attached is the summary outstanding for your kind action. Time fly and the debt is coming for year anniversary. 😊😊Hope boss can deliver it,am really need it urgent for my venture businesses. 🙏

[08/06/2022, 08:50:41] JaMes: Letter to Adnan Rahim & Co (Outstanding payment as at 31.5.2022).pdf • 4 pages <attached: 00000162-Letter to Adnan Rahim & Co (Outstanding payment as at 31.5.2022).pdf>

[08/06/2022, 09:00:46] +60122380447: ok noted bos. i'm waiting the letter offer very soon bos. hope can clear everything to u very soon

[08/06/2022, 09:02:22] JaMes: Really appreciate 🙏

[08/06/2022, 10:44:00] JaMes: How soon it is? Or specific date? I need it to do my planning

[08/06/2022, 12:35:43] JaMes: Pls Advise boss. Thks🙏"

- (viii) Defendan Ke-3 telah mengukuhkan representasi palsu bahawa Defendan Ke-2 dan/atau Ke-3 akan membuat pembayaran baki harga pembelian apabila mereka menerima hutang tertunggak daripada kerajaan melalui mesej WhatsApp Defendan Ke-3 seperti berikut:-



"[24/10/2022, 20:50:25] JaMes: Dato, kindly call back and how is the collection from MOD? I am having meeting tomorrow morning with My friend Ts chua . He know Ts hishamuddin well also. All are BN member, May help it and need your info. Pls reply and listen my call

[24/10/2022, 21:27:59] +60122380447: evening bos

[24/10/2022, 21:28:09] +60122380447: mod already paid last week

[24/10/2022, 21:28:24] +60122380447: thanks for your help

[24/10/2022, 21:38:53] JaMes: Welldone and May get your full payment isnt ?"

- (ix) Defendan Ke-3 telah mengukuhkan representasi palsunya seperti yang dinyatakan di atas dengan mendakwa bahawa dia sendiri kononnya masih dalam proses mendapatkan pembayaran melalui mesej WhatsApp Defendan Ke-3 seperti berikut:-

"[11/01/2023, 10:33:35] JaMes: Morning .. pls ready the payment tomorrow. I am getting heavy pressure now. Thks

[11/01/2023, 13:02:16] JaMes: Boss, Tomorrow go your lawyer office collect the cheque?

[11/01/2023, 19:19:45] JaMes: Hallo, boss, dapat bayar ke tidak ? terus terang

[11/01/2023, 19:31:19] JaMes: Boss, be gentleman. Don't push me to corner

[11/01/2023, 19:45:45] +60122380447: i x dpt lagi fund boss

[11/01/2023, 19:45:51] +60122380447: tgh usaha pinjam org ni"

"



42.21. Dengan itu, representasi seperti yang disebutkan dalam subperenggan di atas jelas palsu dan/atau tidak benar kerana Defendan Ke-2 dan/atau Ke-3 dengan jelasnya telah memperoleh kemudahan pembiayaan menggunakan syarikat Defendan Pertama melalui satu caj terbuka daripada Public Bank Berhad melalui Sijil Pendaftaran Caj bertarikh 05.08.2022.

42.22. Selepas itu, kecuali untuk mesej WhatsApp yang tidak berkaitan, Defendan Ke-3 tidak membalas mesej-mesej Plaintiff.

42.23. Defendan Ke-2 dan/atau Ke-3 telah membuat Pernyataan-Pernyataan Palsu kepada Plaintiff bertujuan untuk:

- (i) Mengelirukan, menipu dan/atau memperdayakan Plaintiff untuk mempercayai bahawa mereka akan membayar dan menyelesaikan kewajipan undang-undang mereka kepada Plaintiff dalam masa yang terdekat,
- (ii) Mengelirukan, menipu dan/atau memperdayakan ~~saya~~ Plaintiff untuk mempercayai Defendan Ke-2 mempunyai kemampuan kewangan dan/atau kemampuan untuk membayar dan menyelesaikan kewajipan undang-undangnya kepada Plaintiff,



(iii) Mengelirukan, menipu dan/atau memperdayakan Plaintiff untuk memberikan masa untuk Defendan Ke-2 dan/atau Ke-3 untuk berbuat demikian,

(iv) Secara salah memperoleh dan/atau mengalirkan (*siphon*) wang yang telah diperoleh oleh mereka yang sepatutnya digunakan untuk memenuhi kewajiban undang-undang mereka yang sedia ada kepada Plaintiff; dan

42.24. Oleh sebab alasan yang dinyatakan, Defendan Ke-2 dan/atau Ke-3 telah membuat Pernyataan-Pernyataan Palsu dengan pengetahuan bahawa ia adalah palsu atau tidak mempercayainya sebagai benar dan dengan niat jahat untuk mengelirukan, menipu dan/atau memperdayakan Plaintiff.

42.25. Bergantung kepada Pernyataan-Pernyataan Palsu Defendan Ke-3, yang telah memudaratkan Plaintiff, Plaintiff telah bersetuju untuk melanjutkan tempoh pembayaran baki harga pembelian tersebut dan tidak mengambil tindakan undang-undang terhadap Defendan Ke-2 dan/atau Ke-3 pada masa material.

42.26. Kegagalan Defendan Ke-2, Ke-3, Ke-4 dan/atau Ke-5 untuk memaklumkan tentang kejayaan Defendan Pertama mendapatkan kemudahan pembiayaan yang dinyatakan di atas bukan sahaja merupakan pecahan amanah jenayah dan/atau sivil (*criminal and/or*



civil breach of trust), tetapi juga telah dibuat untuk menyorok, menyembunyikan, memperdayakan dan/atau menipu Plaintiff daripada semua saham yang dimiliki Plaintiff dalam syarikat Defendan Pertama.

- 42.27. Defendan Ke-3 telah melakukan kelakuan dan usaha yang salah di sisi undang-undang dan berniat jahat untuk mengalirkan dan/atau memindah wang yang diperoleh oleh Defendan Ke-2 melalui pelbagai entiti yang dikawal oleh Defendan Ke-3 sama ada secara langsung oleh Defendan Ke-3 sendiri dan/atau secara tidak langsung melalui agen, pekerja, pembantu, wakil, dan/atau proxi Defendan Ke-3.
- 42.28. Sebahagian dan/atau keseluruhan wang yang diperoleh oleh dan/atau melalui Defendan Ke-2 tersebut telah dialirkan dan/atau dipindahkan untuk, secara salah dan menyalahi undang-undang, membiayai perniagaan syarikat Defendan Ke-8, Ke-9, Ke-17, Ke-18 dan/atau Ke-19.
- 42.29. Syarikat Defendan Ke-8, Ke-9, Ke-17, Ke-18 dan/atau Ke-19 terlibat dalam perniagaan yang sama atau serupa berkaitan dengan pembuatan, pengedaran, penjualan, perkhidmatan servis dan/atau pemasangan kenderaan elektrik dan jenis kenderaan lain.



